

## D.R. 41/92

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

### RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971 dan untuk membuat peruntukan bagi pengesahan peruntukan-peruntukan tertentu, perbuatan-perbuatan tertentu yang telah dibuat di bawahnya dan perkara-perkara sampingan yang lain berhubungan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perubatan (Pindaan) 1992. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 3 Akta Perubatan 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 3. Akta 50-

(a) dalam subseksyen (13)—

(i) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (a)

(ii) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan perkataan "; atau", dan dengan memasukkan selepas sahaja

RANG UNDANG-UNDANG

perenggan (b) perenggan baru (c) yang berikut;

"(c) jika pada bila-bila masa namanya telah dipotong dari Daftar.";

(b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (13) subseksyen baru (13A) yang berikut:

"(13A) Seseorang pengamal yang namanya telah digantung dari Daftar atau yang telah dicela di bawah seksyen 30 tidak layak untuk dinamakan dan dilantik atau dipilih atau dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah peruntukan mana-mana perenggan (b) hingga (g) seksyen-kecil (1)—

(a) dalam hal sesuatu penggantungan, selama tempoh enam tahun selepas tamatnya penggantungan itu; atau

(b) dalam hal sesuatu celaan, selama tempoh enam tahun dari tarikh celaan itu.";

(c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (14) subseksyen baru (15), (16) dan (17) yang berikut:

"(15) (a) Jika pada menjalankan bidang kuasa tata tertibnya di bawah Akta, Majlis—

(i) melantik suatu jawatankuasa untuk menjalankan penyiasatan permulaan; atau

(ii) mengadakan siasatan tata tertib,

berkenaan dengan mana-mana pengamal yang adalah seorang ahli Majlis, pengamal itu hendaklah digantung. Penggantungan itu hendaklah, dalam hal suatu penyiasatan permulaan, berkuatkuasa dari tarikh

PERUBATAN (PINDAAN)

bermulanya penyiasatan itu, atau dalam hal suatu siasatan tatatertib, berkuatkuasa dari tarikh bermulanya siasatan itu.

(b) Jika apabila tamatnya penyiasatan permulaan Majlis memutuskan bahawa suatu siasatan tatatertib hendaklah diadakan, tempoh penggantungan seseorang ahli hendaklah diteruskan sehingga tamatnya siasatan tatatertib itu.

(16) Mana-mana ahli Majlis yang telah digantung di bawah perenggan (a) atau (b) seksyen-kecil (15) hendaklah dengan serta merta dihidupkan semula sebagai ahli Majlis jika apabila tamatnya penyiasatan permulaan atau siasatan tatatertib itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Majlis mendapati bahawa tiada apa-apa kesalahan telah dibuktikan berkenaan dengan ahli itu.

(17) Mana-mana ahli Majlis yang hendak dihidupkan semula menurut seksyen-kecil (16) hendaklah, jika penghidupan semula itu akan berkuatkuasa sebelum tamatnya tempoh jawatannya, dihidupkan semula untuk memegang jawatan bagi bahagian tempoh jawatannya yang belum tamat."

3. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 12.

- (a) dengan menggantikan perkataan "; dan" di akhir subperenggan (i) perenggan (b) subseksyen (1) dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong subperenggan (ii) perenggan (b) subseksyen (1).

4. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 13.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "dan, jika berkenaan, sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen-kecil (3)" yang terdapat dalam subseksyen (1);

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "enam bulan daripada tempoh itu hendaklah dihabiskan dalam jawatan pembedahan bertempat tinggal dan enam bulan dalam jawatan perubatan bertempat tinggal, manakala tempoh yang tidak lebih daripada enam bulan yang dihabiskan dalam perbidanan hendaklah dikira sama ada sebagai masa yang dihabiskan dalam perubatan atau sebagai masa yang dihabiskan dalam pembedahan, mengikut sebagaimana yang dipilih oleh orang yang didaftarkan sementara itu" yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "empat bulan daripada tempoh itu hendaklah dihabiskan dalam jawatan pembedahan bertempat tinggal, empat bulan dalam jawatan perubatan bertempat tinggal dan empat bulan dalam jawatan obstetrik dan ginekologi bertempat tinggal";
- (c) dengan memotong subseksyen (3);
- (d) dengan menggantikan perkataan "perbidanan" dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "obstetrik dan ginekologi";
- (e) dengan memotong subseksyen (5);
- (f) dengan menggantikan perkataan-perkataan "seksyen-kecil (2) dan (3) masing-masing" yang terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan "seksyen-kecil (2)";
- (g) dengan memotong perkataan-perkataan "dan perkhidmatan di bawah seksyen-kecil (3)" yang terdapat dalam subseksyen (8); dan
- (h) dengan menggantikan perkataan "perbidanan" dalam subseksyen (9) dengan perkataan-perkataan "obstetrik dan ginekologi".

5. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan koma yang terdapat di akhir perenggan (b) subseksyen (1) dengan perkataan "; atau"; dan

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan
- (b) subseksyen (1) perenggan baru (c) yang berikut:

"(c) didapati oleh panel kajian semula perubatan, yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang pengamal perubatan yang dilantik oleh Majlis, selepas menjalankan penyiasatan yang sepatutnya sebagai tak layak untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikalnya,".

6. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 24.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "orang yang menjadi pesakit otak" yang terdapat dalam nota birai;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru yang berikut:

"(1) Jika—

- (a) Pendaftar berpuas hati bahawa mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini dimasukkan ke atau ditahan di hospital sakit otak di bawah peruntukan mana-mana undang-undang;
- (b) mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini telah diperakui oleh panel kajian semula perubatan, yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga pengamal perubatan yang dilantik oleh Majlis, sebagai tak layak untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikalnya,

orang itu hendaklah dengan itu terhenti daripada didaftarkan sedemikian, dan suatu catatan hendaklah dibuat dengan sewajarnya bersebetengan dengan namanya dalam Daftar."; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "keadaan otaknya" yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "keadaan mental atau fizikalnya, mengikut mana-mana yang berkenaan,".

Seksyen  
baru 34c.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 34B seksyen baru 34c yang berikut:

"Pengamal  
perubatan  
yang diberi-  
kuasa oleh  
Ketua  
Pengarah  
hendaklah  
disifatkan  
sebagai  
Pegawai  
Perubatan  
Kerajaan.

34c. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, memberikuasa mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar penuh di bawah seksyen 14 dan yang bukan seorang pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam, untuk menjalankan mana-mana daripada tugas-tugas yang berikut, iaitu—

- (a) penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan mana-mana pesakit; atau
- (b) melaksanakan sesuatu autopsi atau penyiasatan *post-mortem* ke atas mana-mana orang yang mati.

di dalam mana-mana hospital, klinik atau pusat kesihatan atau di dalam mana-mana institusi seumpama yang lain.

(2) Seseorang pengamal perubatan yang diberikuasa sedemikian di bawah seksyen-kecil (1) untuk melaksanakan mana-mana daripada tugas-tugas yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang Pegawai Perubatan Kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Prosedur Jenayah dan mana-mana undang-undang relevan yang lain di Malaysia."

N.M.B.  
Bab 6.

8. Subseksyen (1) seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 35.

- (a) dengan menggantikan perkataan "satu" yang terdapat dalam perenggan (a) dengan perkataan "dua"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "dua" dan perkataan-perkataan "enam bulan" yang terdapat dalam perenggan (b) masing-masingnya dengan perkataan "lima" dan perkataan-perkataan "dua tahun".

9. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 37.

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan sahaja, dengan menggantikan perkataan-perkataan "apa-apa syarat sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis"; dan
- (b) dalam proviso kepada subseksyen (2)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "; dan" yang terdapat di akhir perenggan (a) dengan noktah; dan
  - (ii) dengan memotong perenggan (b).

**10.** (1) Walau apa pun pindaan-pindaan dalam perenggan (b) seksyen 3 dan perenggan (a), (c), (f) dan (g) seksyen 4, peruntukan-peruntukan perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 12 dan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), (3), (7) dan (8) seksyen 13 Akta ibu hendaklah terus terpakai bagi seseorang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini— Kecualian.

- (a) mempunyai kelulusan yang tersebut dalam subperenggan (ii) perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 12 yang tersebut dan telah membuat permohonan untuk memasuki atau memasuki

semula peperiksaan yang ditetapkan di bawah perenggan (*aa*) subseksyen (1) seksyen tersebut; atau

- (*b*) sedang menjalani suatu tempoh perkhidmatan jawatan perubatan di bawah subseksyen (3) seksyen 13 yang tersebut,

seolah-olah pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada peruntukan-peruntukan tersebut dalam seksyen 12 dan 13 telah tidak dibuat.

(2) Walau apa pun pindaan-pindaan dalam perenggan (*b*), (*d*), (*e*) dan (*h*) seksyen 4, peruntukan-peruntukan subseksyen (2), (4) (5) dan (9) seksyen 13 Akta ibu hendaklah terus terpakai bagi seseorang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, telah bertugas dalam pekerjaan dalam suatu jawatan perubatan bertempat tinggal di bawah subseksyen (2) seksyen 13 yang tersebut seolah-olah pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada peruntukan-peruntukan tersebut dalam seksyen 13 telah tidak dibuat.

Penggantian  
Bahagian  
VII.

**11.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian VII dengan Bahagian VII yang berikut:

## BAHAGIAN VII

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI MAKSUD-MAKSUD NEGARA

Maksud, mula berkuatkuasa dan tempoh Bahagian ini.

39. (1) Maka adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Bahagian ini adalah diperbuat bagi maksud-maksud negara.

(2) Bahagian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa jika Parlimen, melalui ketetapan yang diluluskan oleh setiap Dewan Parlimen dan disiarkan dalam *Warta*, memperuntukkan bahawa Bahagian ini tidak akan terus berkuatkuasa lagi.

Pemberi-  
tahu  
kepada  
orang  
berdaftar  
penuh  
supaya  
ber-  
khidmat  
dalam  
jawatan  
perubatan  
dalam per-  
khidmatan  
awam.

40. (1) Tiap-tiap orang yang memperoleh pendaftaran penuh di bawah Akta ini, apabila sahaja didaftarkan penuh atau pada bila-bila masa selepas itu, boleh disampaikan kepadanya suatu pemberitahu bertulis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah yang menghendaki orang itu supaya memegang perlantikan dalam suatu jawatan perubatan dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam dan pada apa-apa tarikh, dalam setiap hal ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahu itu.

(2) Seseorang yang kepadanya suatu pemberitahu telah disampaikan di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah mematuhi pemberitahu itu dan jika dia gagal berbuat demikian dia adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Sebaik sahaja pertuduhan di bawah seksyen-kecil (2) atau di bawah seksyen 41 dibuktikan dalam mahkamah terhadap mana-mana orang, pendaftaran orang itu di bawah seksyen 14 hendaklah disifatkan terbatal, dan Pendaftar hendaklah memotong nama orang itu dari Daftar.

(4) (a) Jika nama seseorang dipotong dari Daftar di bawah seksyen-kecil (3), maka nama orang itu tidak boleh dimasukkan semula ke dalam Daftar kecuali atas arahan yang diberi oleh Menteri, dan Menteri boleh memberi arahan sedemikian apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh orang yang namanya telah dipotong dari Daftar.

(b) Apa-apa arahan yang diberikan sedemikian boleh dijadikan tertakluk kepada penunaian apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang Menteri memikirkan patut

dikenakan, dan terma dan syarat yang menghendaki orang itu supaya berkhidmat dalam jawatan perubatan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bagi suatu tempoh terus menerus yang jumlahnya tidak kurang daripada tiga tahun dalam apa-apa jawatan atau jawatan-jawatan dalam satu perkhidmatan awam atau lebih sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah mengikut budibicaranya.

(c) Semasa orang itu sedang menunaikan terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen-kecil ini, dia hendaklah disifatkan telah didaftar penuh setakat mana yang perlu untuk menunaikan terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen-kecil ini dan bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, tetapi tidak lebih daripada itu; dan apabila terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen-kecil ini telah ditunaikan maka dia berhak mendapat suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sebagai keterangan mengenai hal itu.

(5) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah seksyen-kecil (4) untuk memasukkan semula sesuatu nama dalam Daftar adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana jua pun mahkamah.

(6) Jika suatu pemberitahu di bawah seksyen-kecil (1) telah disampaikan kepada seseorang yang kepadanya pemberitahu boleh disampaikan, Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengkansel pemberitahu itu dan, jika difikirkannya patut, menyebabkan disampaikan kepada orang itu pemberitahu selanjutnya di bawah seksyen-kecil (1).

Tempoh perkhidmatan menurut pemberitahu di bawah seksyen 40 (1).

41. Seseorang yang mula berkhidmat dalam sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam menurut suatu pemberitahu yang dikeluarkan di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 40, hendaklah terus berkhidmat dalam jawatan tersebut atau apa-apa jawatan atau jawatan-jawatan kemudian yang lain dalam perkhidmatan awam yang sama atau dalam mana-mana perkhidmatan awam yang lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi-bicaranya bagi suatu tempoh terus menerus yang jumlahnya tidak kurang daripada tiga tahun dengan memuaskan hati Ketua Pengarah dan jika dia gagal berbuat demikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa Menteri untuk membenarkan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 41.

42. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) berkenaan dengan mana-mana orang tertentu;
- (h) secara amnya, berkenaan dengan mana-mana golongan orang semasa apa-apa tempoh yang dinyatakan olehnya;
- (c) secara amnya, berkenaan dengan semua orang semasa apa-apa tempoh yang dinyatakan olehnya,

membenarkan apa-apa pengurangan yang difikirkannya sesuai atau pengecualian penuh daripada tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 41.

(2) Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh mana-mana orang yang boleh kena menjalani tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 41, membenarkan kepada orang itu penangguhan daripada memulakan perkhid-

matan itu bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya sesuai jika dia berpuas hati bahawa adalah adil dan munasabah untuk berbuat demikian.

(3) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah seksyen-kecil (2) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana jua pun mahkamah.

Menteri boleh membuat kaedah-kaedah.

43. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan tujuan-tujuan dan maksud-maksud Bahagian ini.

Kecualian.

44. (1) Apa-apa jua yang telah dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 40, 41, 42 atau 43 Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 hendaklah disifatkan telah dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 40, 41, 42 atau 43 masing-masingnya Akta ini dan hendaklah terus berjalan kuatkuasa dan berkuatkuasa dengan sewajarnya di bawah seksyen-seksyen masing-masing Akta ini.

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (4) dan (5) seksyen 37 hendaklah terpakai bagi Bahagian ini dan dalam pemakaian sedemikian, peruntukan-peruntukan itu hendaklah ditafsirkan sebagai meluaskan seksyen-kecil (1) seksyen ini.

(3) Tiada apa jua pun dalam seksyen-kecil (1) mempunyai kuatkuasa untuk menjadikan mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa penalti berkenaan dengan apa-apa peninggalan untuk mematuhi, atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (2) seksyen 40 dan seksyen 41."

## RANG UNDANG-UNDANG

dimulakan, hendaklah digantung daripada menjadi ahli Majlis dari tarikh bermulanya penyiasatan atau bermulanya siasatan itu. Walau bagaimanapun, jika Majlis mendapati bahawa tiada kesalahan dibuktikan terhadap ahli itu, dia hendaklah dihidupkan semula sebagai ahli.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 13 Akta untuk membuat peruntukan bagi tempoh baru dalam mana seseorang yang didaftar sementara kena menjalani pekerjaan dalam jawatan pembedahan bertempat tinggal, jawatan perubatan bertempat tinggal dan jawatan obstetrik dan ginekologi bertempat tinggal. *Fasal 4* juga bertujuan memotong subseksyen (3) seksyen 13 Akta. Dengan pemotongan subseksyen tersebut, seseorang didaftar sementara yang memegang kelulusan tidak terjadual tidak lagi dikehendaki menjalani pengalaman tambahan dua tahun dalam suatu jawatan dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dikehendaki sekarang.

4. *Fasal 5* bertujuan memasukkan perenggan baru (c) kepada subseksyen (1) seksyen 19 Akta untuk memberi kepada Majlis kuasa untuk menolak pendaftaran mana-mana orang yang didapati tidak layak untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikalnya.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 24 Akta untuk membuat peruntukan bagi pemberhentian pendaftaran seseorang pengamal perubatan berdaftar.

6. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 34c yang akan membolehkan Ketua Pengarah memberikuasa pengamal-pengamal perubatan berdaftar yang bukan pegawai awam untuk menjalankan penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan mana-mana pesakit atau melaksanakan sesuatu autopsi atau penyiasatan *post-mortem* ke atas mana-mana orang yang mati. Seksyen baru 34c memperuntukkan selanjutnya bahawa pegawai-pegawai yang diberikuasa sedemikian adalah disifatkan sebagai Pegawai Perubatan Kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Prosedur Jenayah atau mana-mana undang-undang relevan yang lain. Ini akan menjadikan laporan *post-mortem* atau laporan perubatan oleh pengamal-pengamal perubatan sedemikian boleh diterima sebagai keterangan di dalam mahkamah semasa ketiadaan mereka dengan syarat bahawa segala kehendak prosedur dan undang-undang yang lain telah dipenuhi.

7. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 35 Akta untuk menambah penalti am yang diperuntukkan di bawah seksyen itu.

8. *Fasal 10* bertujuan memperuntukkan bahawa walau apa pun pindaan-pindaan kepadanya, peruntukan-peruntukan tertentu seksyen 12 dan 13 Akta ibu hendaklah terus berkuatkuasa

## PERUBATAN (PINDAAN)

berhubungan dengan orang-orang yang dinyatakan dalam *fasal* itu seolah-olah pindaan-pindaan itu telah tidak dibuat.

9. *fasal 11* bertujuan memansuhkan Bahagian VII yang sedia ada dalam Akta dan menggantikan baginya Bahagian VII baru bagi maksud-maksud negara. Bahagian VII baru, sebaliknya, apabila ia mula berkuatkuasa, akan terus berkuatkuasa sehingga Parlimen, melalui ketetapan, memperuntukkan sebaliknya.

10. *Fasal 12* bertujuan memperuntukkan bahawa Bahagian VII yang sedia ada dalam Akta hendaklah disifatkan telah terus berkuatkuasa sejak 1hb Oktober 1986, oleh kerana Bahagian VII telah terhenti daripada berkuatkuasa pada 30hb September 1986. Berikutan dengan itu *fasal 12* bertujuan mengesahkan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau apa-apa notis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah menurut Bahagian VII yang sedia ada. Walau bagaimanapun, penalti-penalti bagi kesalahan adalah dikecualikan daripada kuatkuasa kebelakangan itu.

11. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebutkan secara spesifik adalah berbangkit atau kecil sahaja.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1484.]